

# Buat baja kompos di asrama

| SITI HASLINA HUSSIN

**S**ETIAP hari, dianggarkan hampir 20,000 tan sisa makanan dibuang ke tapak pelupusan sampah di Malaysia. Kebanyakan sisa makanan terbuang ini diperoleh dari rumah, hotel, kedai makan dan asrama sekolah.

Pembuangan sisa makanan dilihat sebagai satu penyumbang kepada jumlah peningkatan bahan buangan di tapak pelupusan sampah. Sememangnya lebih baik jika sisa makanan yang terbuang itu dikitar semula menjadi baja kompos, sekali gus mengurangkan

lambakan sampah harian. Justeru, sebagai salah sebuah sekolah berasrama penuh, SM Sains Kuching mengambil inisiatif untuk memberi kesedaran kepada warga asrama dengan memulakan aktiviti membuat baja kompos di asrama.

Bagi merealisasikan usaha ini, pihak SM Sains Kuching bekerjasama dengan enam wakil Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) untuk menjalankan projek "Urban Composting: Sekolah Lestari Pelajar Bistari".

Projek yang ditaja



**PELAJAR** tekun mendengar sesi penerangan teoretikal pembuatan baja kompos yang disampaikan Dr Mahani Mohammad Abdu Shakur.

Tanggungjawab Sosial UNIMAS ini mendapat tajaan dana daripada Unimas Sustainability Centre (USC).

Seramai 80 pelajar tingkatan lima dan tiga guru penasihat SMK Sains Kuching Cikgu Norshamsiah Samsudin, Cikgu Melson Manggis dan Cikgu Wan Nursyahida terlibat dalam projek ini.

Antara matlamat projek ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang usaha membuat baja kompos daripada hasil sisa makanan terbuang di dewan makan.

Memandangkan mereka tinggal di asrama, usaha ini mudah untuk dijalankan setiap hari kerana sisa makanan terbuang sentiasa ada untuk penghasilan baja kompos.

Selain itu, projek ini juga bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pelajar tentang manfaat membuat baja

kompos. Pelajar berpeluang menambah ilmu pengetahuan terutamanya berkaitan sukatan pelajaran yang dipelajari sepanjang proses mereka membuat baja kompos tersebut.

Menurut ketua projek dari UNIMAS, Profesor Madya Dr Mahani Mohammad Abdu Shakur, pembuatan baja kompos di sekolah dilihat sebagai satu inisiatif memanfaatkan sisa makanan terbuang di dewan makan asrama.

Projek ini merupakan hasil sepakat kumpulan UNIMAS yang lain iaitu Prof Dr Awang Salehin, Dr Rosita Hamdan, Azman Hussin, Siti Haslina Hussin dan Fadhilah Siali.

"Di samping itu, pelajar berpeluang memahami konsep teoretikal dan praktikal yang berkaitan

denga sukatan pelajaran mereka," tambahnya lagi.

Sementara itu, Pengetua SM Sains Kuching, Haslinda JEDI berkata, pihaknya berterima kasih kepada UNIMAS kerana menganjurkan projek ini dan percaya ia mampu memberi pendedahan dan kesedaran kepada warga sekolah tentang manfaat membuat baja kompos.

"Kami yakin pelajar yang mengikuti projek ini akan memahami bahawa aktiviti membuat baja kompos adalah mudah dan

# Politeknik ada kelas tersendiri



**SUARA SARAWAK**  
**OSMAN RAZALI**  
osmanrazali@suarasarawak.my

**J**ANGAN berputus asa jika mendapat keputusan yang tidak berapa cantik dalam peperiksaan awam, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang lepas. Mungkin anda pernah mendengar kata-kata ini — tidak penting di mana kita bermula, lebih penting di mana kita berakhir.

Maka ambil iktibar kerana ada insan yang telah membuktikan walaupun hanya bermula di peringkat sijil politeknik, namun kini menjadi orang besar di politeknik.

Maksudnya, asalkan ada kemahuan, di situ ada kejayaan. Mungkin kita dilihat merangkak dari tahap paling bawah, tetapi tiada siapa tahu pengakhirannya nanti.

Dan jangan malu memulakan sesuatu di peringkat sijil... jangan segan menjadi sebahagian warga politeknik.

*Suara Sarawak* sempat menemui bual seorang lulusan Politeknik Ungku Omar (PUO), politeknik pertama di Malaysia, iaitu Shairul Al-Suzana Shahidan.

Katanya, perjalanannya cukup panjang dan boleh disifatkan menarik.

"Bermula hanya sebagai pemegang sijil (di politeknik), saya dapat menyambung pelajaran ke luar negara dengan biasiswa di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana.

"Kemudian dapat merasa menjadi pensyarah,

pensyarah kanan, timbalan pengarah dan pengarah. Pendek kata dapat macam-macam.

"Justeru, jangan pandang remeh keluaran politeknik atau Kolej Komuniti. Jangan takut masuk ke politeknik," katanya.

Jelas Timbalan Pengarah (Pengurusan) Kolej Komuniti Tawau, kariernya bermula sekitar 1999.

"Saya akui dengan keputusan SPM yang tidak berapa cantik, maka dapat tawaran mengikuti Sijil Kejuruteraan Awam (seni bina) pada 1990.

"Habis di PUO, terus dapat bekerja di tempat praktikal. Tanpa temu duga.

"Jadi nampak tidak betapa hebat jadi pelajar politeknik.

"Setahun bekerja sebagai pelukis pelan di DEG Architect Kuala Lumpur, saya kemudian terpilih untuk Biasiswa Tenaga Pengajar Politeknik — sambung belajar empat tahun di Amerika Syarikat.

"Setahun di Ohio State University (OSU), kemudian tiga tahun di Western Michigan University (WMU)... kedua-dua universiti dalam kelompok terbaik di Amerika Syarikat ketika itu.

"Kiranya saya menyambung ke peringkat Ijazah Sarjana Muda tanpa Diploma dan paling best semua subjek yang dipelajari di politeknik dulu dapat pengecualian (pemindahan kredit) selama setahun," ujarnya.

Pasti ramai tertanya-tanya bagaimana hendak mendapatkan pengecualian dan kata anak kelahiran Ipoh itu apabila universiti negara orang putih itu mengiktiraf semua subjek di PUO.

"Saya balik ke tanah air untuk bercuti pada musim panas. Kelapangan masa yang ada saya pergi ke PUO dan berjumpa Ketua Jabatan Ashah Abd Rahman.

"Beliau banyak membantu saya mengalih bahasa rumusan setiap subjek daripada bahasa Melayu ke bahasa Inggeris.

"Apabila saya balik ke universiti dan memberikan rumusan tadi kepada mereka, Alhamdulillah mereka mengiktiraf semua subjek tersebut. Subjek yang ditawarkan di politeknik kita relevan dan paling penting subjek yang kita belajar di politeknik diiktiraf oleh universiti luar negara.

"Hebatkan subjek di Politeknik. Siapa sangka! Selama ini orang selalu



**PENGARAH**  
**KOLEJ KOMUNITI**  
**BETONG**

**SHAIRUL AL-SUZANA SHAHIDAN**

pandang sinis dengan politeknik. "Dulu Politeknik dianggap tempat budak tak berapa cerdas menyambung belajar lepas tingkatan lima.

"Sekarang semua itu meleset. Politeknik boleh dianggap mempunyai kelas tersendiri dengan kini tumpuan kepada STEM dan TVET," tambahnya.

Cerita mantan Pengarah Kolej Komuniti Betong itu lagi, beliau ketika mula-mula belajar di Amerika Syarikat sering dipandang rendah kerana tidak ramai dari politeknik dan lebih banyak dari universiti.

"Saya sentiasa pandang ke depan. Bayangkan hanya bergelar pelajar politeknik, ada sijil sahaja... tetapi boleh belajar ke peringkat Ijazah Sarjana Muda tanpa Diploma," katanya.

Kata Suzana sebaik habis belajar, beliau dihantar ke Universiti Teknologi Malaysia (UTM) atau kampus di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sekarang selama dua tahun.

"Selepas itu terus menjadi pensyarah di Politeknik Kuching Sarawak selama tiga tahun.

"Apabila kolej komuniti ditubuhkan, saya antara pelopor yang terlibat dengan kewujudan kolej komuniti sehingga sekarang.

"Hanya bermula dengan sijil di politeknik, saya pernah merasa menggalas tanggungjawab sebagai Pengarah Kolej Komuniti Betong dan sekarang Timbalan Pengarah (Pengurusan) di Kolej Komuniti Tawau," ujarnya.

Beliau menyifatkan kemahiran dan industri hari ini saling memerlukan.

"Peluang melanjutkan pengajian ada di mana-mana dan rebutlah untuk menyertai STEM dan TVET," ujarnya.



**PENGETUA** Haslinda JEDI bangga dengan kerjasama dan komitmen yang diberikan oleh pelajar.



**PENGALAMAN** membuat baja kompos memberi kesedaran untuk menjaga alam sekitar.



**PELAJAR** gembira dengan usaha mereka.



**PELAJAR** diberi pendedahan menggunakan bahan terbuang seperti kotak, sisa makanan dan tanah sebagai asas pembuatan baja kompos.

mereka akan berasa lebih bertanggungjawab apabila ingin membuang sisa makanan," ujarnya.

Katanya, hasil pengetahuan yang diperoleh oleh pelajar daripada program ini juga boleh dikongsi bersama-sama ahli keluarga mereka untuk memulakan aktiviti membuat baja kompos di rumah.

Asrama SM Sains Kuching menempatkan 532 pelajar dan menghasilkan berpuh-puluh

kilogram sisa makanan terbuang dari dewan makan sekolah.

Program itu sememangnya memberikan peluang terbaik kepada pihak sekolah dan warganya untuk memulakan aktiviti yang memberi manfaat berpanjangan dengan melaksanakan pendekatan mengambil semula sisa makanan terbuang untuk dijadikan baja kompos.